

# Misuari: PM beri Filipina tempoh sebulan

UM 1 2 DEC 2007

**K**UALA LUMPUR 11 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan memberi tempoh sebulan kepada Filipina untuk menerima bekas Gabenor Wilayah Autonomi Mindanao (ARMM), Nur Misuari sebelum menghantarnya ke negara ketiga.

"Hakikatnya kita hanya ada tempoh sebulan sebab dia masuk tanpa dokumen, lepas itu kita kena bebaskan dia dan boleh pergi ke mana-mana. Jadi kita nak hantar balik.

"Kalau Manila terima, terimalah kalau tak nak, kita kena hantar ke tempat lain. Kita tak boleh simpan dia di sini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan perayaan Barisan Nasional Wilayah Persekutuan dan Selangor di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai

mengulas kenyataan seorang senator Filipina hari ini yang memberi amaran kepada Malaysia agar tidak menghantar Misuari ke negara ketiga kerana tindakan itu serupa memberi suaka politik kepada beliau.

Senator Rodolfo Biazon, yang juga Naib Pengerusi Jawatankuasa Senat bagi Pertahanan berkata, Misuari harus segera dihantar pulang bagi menghadapi dakwaan di bawah undang-undang republik itu.

"Sebarang negara yang akan membebaskan beliau atau memberi suaka politik kepada beliau harus dianggap sebagai melakukan tindakan di luar dasar setiakawan terhadap kerajaan Filipina," kata Biazon, bekas jeneral marin dan ketua pasukan bersenjata.

Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

bagi Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur hari ini berkata, Misuari telah memfailkan permohonan suaka politik melalui peguamnya di Washington bulan lalu.

Malaysia menolak langkah memberi suaka politik kepada Misuari, tetapi membayangkan ia mungkin menghantar beliau ke negara ketiga jika Filipina tidak mahu menerima bekas gabenor itu.

Malaysia sebelum ini menegaskan yang pihaknya bersedia membawa Misuari keluar dari negara ini selepas ditahan oleh polis di Pulau Jampiras, Sandakan pada 24 November lalu kerana memasuki wilayah Malaysia secara haram.

Menjawab soalan pemberita, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak tahu mengapa Filipina keberatan menerima Misuari kembali ke negara itu.